

# Sanggup bermandi peluh demi kelip-kelip

**KUALA SELANGOR** - Sepasukan sukarelawan dan aktivis sanggup meredah selut untuk menanam lebih 200 pokok berembang di sepanjang perairan sungai di Kampung Asahan, di sini sebagai usaha memelihara habitat kelip-kelip.

Penyelaras Najib Razak Club (NRC11), Mohamad Shafik Safarizan berkata, kesemua pokok itu ditanam lebih 150 sukarelawan dan aktivis terdiri daripada Pengakap Kelana Kuala Selangor, Kelab Alami KAWA dan Persatuan Pendayung Kampung Kuantan.

"Dalam program anjuraan NRC11 dan Kelab Generasi Warisan Seri Asahan (Kongres) yang turut disertai mahasiswa UiTM Puncak Alam, Puncak Perdana serta Universiti Putra Malaysia membolehkan sukarelawan mempelajari cara menanam anak pokok di habi-

tat kelip-kelip.

"Usaha murni ini penting bagi memelihara habitat kelip-kelip untuk masa depan. Jika tidak dipandang serius, saya bimbang hidupan kelip-kelip ini akan pupus. Wajar juga aktiviti seperti ini dijadikan tanggungjawab sosial korporat setiap jabatan kerajaan," katanya.

Penuntut Diploma Sains Kesihatan, UiTM Puncak Alam, Shamsul Hanafi Mohd Hatta, 20, berkata, dia dan rakan-rakannya tidak melepaskan peluang untuk menyertai aktiviti itu selepas menerima hebahan melalui kolej kediaman.

"Saya dapat menimba pengalaman dalam aktiviti menarik seperti ini dan saya difahamkan kawasan ini adalah tumpuan pelancong terutama dari luar negara, jadi sudah pasti saya berbangga dapat bantu memelihara habitat kelip-kelip ini," katanya.



Sebahagian sukarelawan sanggup berselut menanam anak pokok berembang di sepanjang perairan Kampung Asahan. Gambar kecil: Mohamad Shafik